



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (205-219)

Penyebaran Varian Sebutan dan Leksikal Kata Kerja di Kedah: Analisis Geolinguistik

Siti Nur Izzaty Salit, Harishon Radzi & Siti Noraini Hamzah

snizzaty09@gmail.com, naslin@ukm.edu.my, snoraini@ukm.edu.my

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA*

Tarikh terima : 30 September 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 13 November 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Kedah merupakan salah sebuah negeri tertua di Malaysia dengan keluasan 9447 kilometer persegi. Kedah dikenali sebagai negeri 'Jelapang Padi Malaysia' kerana bentuk muka buminya yang rata dan sesuai digunakan untuk penanaman padi. Kedah bersempadan dengan Perlis, Perak, Pulau Pinang dan wilayah Satun, Songkhla dan Yala di Thailand. Kajian ini bertujuan menganalisis penyebaran varian sebutan dan leksikal kata kerja 'baling' dan 'gigit' dalam dialek Melayu Kedah dengan menggunakan perisian *Geographical Information System* (GIS). Kajian ini dijalankan untuk menambah baik kaedah dialektologi tradisional yang berasaskan pemetaan manual melalui penggunaan perisian GIS yang lebih sistematik dan sahih. Melalui aplikasi perisian GIS, penyebaran varian dialek dapat didokumentasikan secara menyeluruh. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang mengaplikasikan kaedah kualitatif dalam mengumpulkan data primer menerusi temu bual bersama responden. Kajian ini melibatkan 816 responden dari 136 kampung dalam 11 daerah di Kedah. Hasil kajian mendapati bahawa setiap kawasan mempunyai pola taburan berbeza bagi varian sebutan dan leksikal yang mewakili perkataan /baling/ dan /gigit/. Terdapat 15 variasi sebutan dan leksikal bagi 'baling', iaitu [lempaʃ], [lɔntaʃ], [puŋgaj], [taʊʔ], [balin], [mekɔŋ], [lempa], [təŋalɔŋ], [puŋgɔ], [məŋkalɔŋ], [tuɖʒu], [hawin], [taʰɔʔ], [taʷʔ] dan [tʰum] manakala 11 variasi mewakili 'gigit' termasuklah [tɔkɔʔ], [tokaʔ], [kɔkaʔ], [gigeʔ], [ʔəkɔh], [ʔəkah], [kɔkɔh], [kike], [gɔkɛt], [mamah] dan [kat]. Pemaparan peta isoglos yang dijana melalui perisian GIS memberikan gambaran lebih tepat dan jelas tentang taburan varian dialek. Dapatan kajian turut diperkukuhkan dengan aspek topografi selain aspek bukan linguistik seperti sejarah, perkahwinan, politik dan penghijrahan penduduk sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kerencaman dialek Melayu Kedah.

Kata kunci: dialek; Kedah; geolinguistik; Melayu; GIS

The Distribution of phonological and lexical variants of verbs in Kedah: A Geolinguistic Analysis

Abstract

Kedah is one of the oldest states in Malaysia, covering an area of 9,447 square kilometres. The state is known as 'Jelapang Padi Malaysia' due to its flat terrain, which is highly suitable for paddy cultivation. Kedah shares borders with the states of Perlis, Perak, and Penang, as well as the provinces of Satun, Songkhla, and Yala in Thailand. This study aims to analyse the distribution of phonological and lexical variants of the verbs 'baling' (to throw) and 'gigit' (to bite) in the Kedah Malay dialect using *Geographical Information System* (GIS) software. This study was conducted to enhance traditional dialectological methods based on manual mapping through the use of GIS, providing a more systematic and reliable tool. Through GIS application, the distribution of dialectal

variants can be documented more comprehensively. This study is a field-based qualitative study that collects primary data through interviews with respondents. A total of 816 respondents from 136 villages across 11 districts in Kedah participated in the study. The findings reveal distinct distributional patterns of phonetic and lexical variants representing the words /baling/ and /gigit/. There are 15 phonetic and lexical variants for 'baling' and 11 for 'gigit'. The isogloss maps generated through GIS software provide clearer and more accurate representation of the distribution of dialectal variants. The findings are further supported by topographical factors as well as non-linguistic aspects such as history, political marriage, and population migration, thereby contributing to a deeper understanding of the linguistic diversity within the Kedah Malay dialect.

Keywords: dialect; Kedah; geolinguistic; Malay; GIS

1. Pengenalan

Bahasa mempunyai sistem dan subsistem yang difahami oleh penutur-penuturnya. Sistem ini merangkumi aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik yang membolehkan komunikasi berlangsung secara teratur. Dalam konteks sosial, subsistem bahasa turut mencerminkan variasi penggunaan yang dipengaruhi oleh budaya dan persekitaran penutur. Sehubungan itu, penutur bahasa terdiri daripada sekumpulan manusia yang beragam, maka wujud hubungan yang berbagai-bagai. Kepelbagaian bahasa itu dapat difahami sebagai kelainan bahasa dan dialek. Dialek berasal daripada perkataan Yunani *dialektos* yang membawa maksud *manner of speech*. Meillet (1967) menyatakan terdapat perbezaan kecil di dalam bahasa yang digunakan oleh penduduk Yunani tetapi perbezaan kecil tersebut sukar difahami sehingga menyebabkan mereka mempunyai bahasa yang berbeza. Menurut Asmah Haji Omar (1993), dialek ditakrifkan sebagai variasi bahasa yang lazim digunakan dalam masyarakat dan ditentukan oleh faktor geografi atau keadaan sosial serta dianggap paling dekat dengan identiti individu.

Halliday (1968) menyatakan pendapat bahawa variasi bahasa dapat dilihat menerusi dua aspek, iaitu aspek pengguna dan aspek penggunaan. Variasi bahasa yang dilihat dalam aspek pengguna ditinjau dari segi wilayah atau geografi penutur sekali gus membentuk dialek geografi. Sementara itu, variasi bahasa yang dilihat menerusi aspek penggunaan pula merupakan variasi-variasi yang dipilih, iaitu digunakan pada situasi atau keadaan mengikut konteks tertentu. Variasi bahasa ini disebut sebagai dialek sosial. Dalam dialek geografi, kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi walaupun wujud perbezaan dialek di sesebuah kawasan tersebut. Hal ini disebabkan dialek-dialek tersebut berada di dalam satu kontinum yang sama. Perkara ini selari dengan pernyataan Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang berpendapat bahawa variasi-variasi dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza. Umumnya, dialek adalah sebuah variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan pengguna dalam satu-satu komuniti bahasa.

2. Sorotan Literatur

Kajian dialek Melayu di Kedah telah lama menjadi topik perbincangan sarjana khususnya di dalam Malaysia. Secara umumnya perkembangan kajian dialek ini dapat digolongkan kepada dua, iaitu kajian dialektologi tradisional dan kajian dialektologi moden. Kajian dialektologi tradisional bertumpu kepada pengumpulan data lapangan melalui kaedah auditori, transkripsi manual dan pemetaan asas manakala kajian dialektologi moden memperkenalkan pendekatan geolinguistik yang mengaplikasikan teknologi seperti GIS bagi menghasilkan pemetaan dialek yang lebih sistematik, tepat dan interaktif. Kedua-dua kajian dialektologi ini telah menyumbang secara signifikan kepada pengayaan kajian dialek Melayu Kedah terutamanya dari segi dokumentasi variasi bahasa dan pemahaman terhadap taburan geografi dialek.

Antara kajian dialektologi tradisional ialah kajian Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2025), Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021), Darwalis Sazan et al. (2019) serta Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2014) yang meneliti aspek fonetik dan fonologi dalam dialek Kedah. Ada juga kajian yang membincangkan dialek Kedah dari perspektif morfologi, sintaksis dan semantik seperti dalam kajian Yusniza Yaakub dan Hishamudin Isam (2024), Mashetoh Abd. Mutalib et al. (2021), Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nur Affika Ahmad (2020), Harishon Radzi et al. (2018) serta Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015).

Kajian Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2025) mendapati bahawa dialek Melayu Hulu Kedah bukan sebahagian daripada subdialek Kedah standard. Sebaliknya, dialek ini membentuk cabangnya yang tersendiri dalam rumpun dialek Melayu berdasarkan ciri linguistik yang sepadan dengan dialek di kawasan Hulu Perak dan Hulu Pahang.

Selanjutnya, kajian Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) membincangkan lapan vokal dan 19 konsonan serta beberapa rangkap fonem yang terdapat dalam dialek Melayu Baling di samping menyatakan ciri nasal akhir kata, monoftongisasi, inovasi dan retensi sebagai ciri fonologinya. Darwalis Sazan et al. (2019) mendapati proses fonologi dalam subdialek Melayu Kedah Kunluang seragam dengan dialek Kedah standard. Dapatan kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2014) merumuskan bahawa proses pemanjangan vokal ternyata wujud dalam dialek Kedah terutama dalam daerah Sik yang melibatkan pengguguran vokal dalam rangkap vokal, pembundaran vokal, peninggian vokal, pengisian gatra V kosong dan penyukuan semula.

Hasil kajian Yusniza Yaakub dan Hishamudin Isam (2024) ialah kata penguat dalam dialek Kedah bersifat rencam dalam bentuk kata tunggal, kata berimbuhan, kata ganda dan frasa serta berlakunya penggunaan kata penguat yang berbeza mengikut jantina. Kajian Mashetoh Abd. Motalib et al. (2021) merumuskan bahawa penutur dialek Kedah masih mengekalkan identiti kenegerian berdasarkan pemahaman leksikal yang dikaji. Bagi kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nur Affika Ahmad (2020) menemukan kata kerja bantu (KKB) dialek Kedah mempunyai fungsi gramatikal menerusi KKB modal dan KKB aspek. Hasil kajian Harishon Radzi et al. (2018) menyimpulkan bahawa dialek Kedah di Pulau Tuba, Kedah dan Satun, Thailand masih kekal difahami walaupun kawasan-kawasan tersebut berbeza pentadbirannya. Kajian Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015) mendapati bahawa sistem deiksis dalam dialek Kedah lebih ringkas berbanding bahasa Melayu standard khususnya dalam perbezaan penunjuk dekat dan jauh yang bergantung pada konteks situasi dan jarak relatif.

Kajian-kajian yang dikelompokkan dalam kajian dialektologi tradisional ini berjaya mendokumentasikan variasi linguistik dialek Kedah dengan terperinci. Namun, fokus utama kajian-kajian ini ialah deskripsi linguistik tanpa analisis berlandaskan kepada kawasan. Kajian-kajian ini tidak meneroka cara sesuatu ciri fonologi, morfologi atau leksikal tersebut tersebar merentasi ruang geografi atau interaksi antara kawasan. Walaupun kajian-kajian ini menghasilkan maklumat linguistik dialek Kedah yang terperinci, tiada pemetaan dialek yang sistematik dapat menjelaskan pola penyebaran atau sempadan isoglos.

Kajian dialektologi moden yang mengkaji dialek Kedah pula dijalankan oleh Siti Nur Izzaty Salit et al. (2025), Ainur Syakirah Muhd Hissam et al. (2024), Siti Nur Izzaty Salit et al. (2024), Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2021), Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019a), Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Amir Imran Jamil (2019), Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019b) serta Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017). Dapatan kajian Siti Nur Izzaty Salit et al. (2025) membuktikan wujudnya asimilasi antara dialek Kedah dan dialek Siam serta pengaruh Siam ditemukan di sempadan utara dan timur Kedah berdasarkan peta isoglos GIS. Kajian Ainur Syakirah Muhd Hissam et al. (2024) merumuskan bahawa pemetaan GIS bagi leksikal 'ular' menyeluruh di Kedah termasuklah kawasan sempadan Thailand dan zon interaksi langsung bahasa Thai-Melayu. Kajian Siti Nur Izzaty Salit et al. (2024) menemukan dialek Patani tersebar di utara dan tengah Baling manakala dialek Kedah dominan di selatan dan timur Baling. Dapatan bagi kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2021) ialah kerencaman dialek di Kedah, antaranya dialek Perak, Siam, Patani Baling, Patani Sik, subdialek Kedah Persisiran dan subdialek Kedah Utara yang didasari oleh faktor sejarah, perkahwinan, kegawatan ekonomi dan tamadun awal yang menyebabkan kerencaman tersebut.

Hasil kajian Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019a) menyimpulkan bahawa penyebaran dialek Melayu Thai berlaku di Perlis, Kedah-Langkawi, Perak dan Pulau Pinang menerusi pembuktian leksikal 'air'. Kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Amir Imran Jamil (2019) menunjukkan berlaku kerencaman dialek Melayu Kedah yang didorong oleh faktor ruang geografi. Dapatan kajian Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019b) menemukan empat proses perilaku fonologi merangkumi monosilabifikasi, aspirasi, pembentukan nada dan vokal panjang ditemukan dalam dialek Satun di Langkawi dan dialek Satun di Thailand. Kajian Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017) mendapati

beberapa variasi leksikal bagi ‘daun kari’ dan ‘daun kesum’ ditemukan dan berkait dengan faktor spatial, persempadanan dan migrasi.

Kajian-kajian dialektologi moden sememangnya memberi gambaran ruang atau spatial yang lebih jelas, namun kajian dialektologi moden ini masih tertumpu kepada satu ciri linguistik tertentu misalnya satu leksikal atau satu set fonologi sahaja. Sehubungan itu, kajian ini mengambil peluang untuk memenuhi kekurangan tersebut. Seperti kajian terdahulu, pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah lapangan bagi memastikan kesahan data linguistik yang diperolehi. Namun, kajian ini berkembang daripada kajian dialek tradisional dengan menggabungkan analisis menggunakan perisian GIS untuk memetakan variasi sebutan dan leksikal dalam dialek Kedah secara menyeluruh merentasi daerah. Selain itu, data bukan linguistik turut berfungsi sebagai maklumat sokongan untuk mentafsir pola taburan yang ditemui. Hal ini bukan sahaja selaras dengan perkembangan teknologi moden, tetapi juga dapat menyumbang kepada analisis yang lebih holistik bagi memahami variasi dialek Melayu Kedah.

Oleh yang demikian, kajian ini menetapkan tiga objektif utama. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti varian sebutan dan leksikal kata kerja ‘baling’ dan ‘gigit’ di Kedah. Objektif kedua adalah untuk menjana peta penyebaran bagi varian sebutan dan leksikal kata kerja ‘baling’ dan ‘gigit’ di Kedah menggunakan perisian GIS. Objektif yang terakhir adalah untuk menghuraikan penyebaran varian sebutan dan leksikal kata kerja ‘baling’ dan ‘gigit’ di Kedah berdasarkan analisis geolinguistik.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan yang dijalankan di negeri Kedah. Perkara ini sejajar dengan Harishon Radzi et al. (2015) yang berpendapat bahawa dalam kajian geolinguistik, kaedah lapangan merupakan kaedah utama dalam mendapatkan data. Daerah-daerah yang terlibat ialah daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling, Bandar Baharu, Kulim, Kuala Muda, Pendang, Kota Setar, Pokok Sena dan Yan. Sejumlah 136 kampung dijadikan sebagai kawasan kajian menerusi 11 daerah ini di Kedah. Kaedah kajian kualitatif telah diterapkan bagi pengumpulan dan penganalisan data. Kaedah utama yang digunakan untuk mengumpul data ialah kaedah temu bual berdasarkan soalan dalam borang soal selidik. Soalan-soalan melibatkan maklumat demografi, maklumat topografi kawasan kajian dan data leksikal, iaitu sebutan dan leksikal bagi perkataan ‘baling’ dan ‘gigit’. Dua perkataan ini dipilih berdasarkan penghasilan variasi yang banyak, iaitu melebihi lima. Hal ini disokong oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Noriati Muhammad (2017) yang menyatakan bahawa variasi yang banyak menandakan bahawa perkataan tersebut kerap digunakan dan meluas penggunaannya. Sesi temu bual berjalan sekitar 5-10 minit. Selain itu, kaedah rakaman audio dan video juga digunakan ketika sesi temu bual berlangsung.

Seramai 816 orang responden dipilih dan disaring untuk menjadi subjek kajian. Pemilihan responden dijalankan mengikut jenis persampelan bertujuan berdasarkan kaedah *NORM* yang diperkenalkan oleh Chambers dan Trudgill (1998). Kaedah tersebut termasuklah responden mempunyai ciri-ciri *Non-Mobile*, *Older*, *Rural* dan *Males*. Dalam kajian ini, responden dipilih dalam kalangan lelaki dan wanita agar tidak bersifat bias. Bukan itu sahaja, beberapa kriteria tambahan dalam pemilihan responden ditetapkan, antaranya berusia 15 tahun dan ke atas, berbangsa Melayu, berasal dari kawasan kajian dan telah menetap di lokasi kajian selama 20 tahun. Sekiranya syarat-syarat seperti alat artikulasi tidak sempurna dan tidak faham akan percakapan pengkaji tidak dipenuhi, maka responden digugurkan serta-merta daripada menjadi data kajian. Bagi proses mencari dan menemukan responden, pengkaji pergi ke warung atau kedai-kedai makan yang ada di kampung-kampung dalam kawasan kajian. Sebelum memulakan sesi temu bual, pengkaji menyapa dengan memperkenalkan diri dan tujuan sesi temu bual dilaksanakan. Hanya selepas mendapat persetujuan daripada responden, barulah sesi temu bual dilakukan dan dirakam.

Seterusnya, proses pembersihan data turut dijalankan. Proses ini melibatkan aktiviti mentranskripsi rakaman percakapan responden menggunakan tulisan fonetik. Rakaman didengar beberapa kali agar data yang diperolehi daripada responden kekal sah sebagai sumber data primer. Kemudian, proses penganalisan data dilakukan. Data yang dikumpulkan dimasukkan ke dalam jadual dalam *Excel*. Hal ini bertujuan memudahkan data dibaca dan untuk dijana melalui perisian GIS bagi menghasilkan peta. Jadual ini merangkumi maklumat daerah, nama kampung dan varian sebutan dan

leksikal yang telah ditranskripsikan di kawasan tersebut. Jadual 1 menunjukkan contoh data yang dimasukkan ke dalam *Excel*.

Jadual 1

Contoh data dalam Excel

LEKSIKAL		BALING				
		taoʔ	lempaʔ	mekɔŋ	tudʒu	pungaj
Bil	Daerah					
	Nama Kampung					
KULIM						
1	Kg. Lesong 7		lempaʔ		tudʒu	pungaj
2	Kg. Naga Lilit	taoʔ	lempaʔ			pungaj
3	Kg. Sg. Seluang	taoʔ		mekɔŋ		pungaj
4	Kg. Padang Meiha		lempaʔ		tudʒu	pungaj
5	Kg. Kuala Dahan		lempaʔ			pungaj
6	Kg. Baru	taoʔ	lempaʔ		tudʒu	pungaj

Kemudian, perisian GIS digunakan bagi menjana peta. Kebiasaannya, peta yang dijana oleh perisian GIS melibatkan peta isoglos atau peta taburan. GIS adalah suatu pengajian yang melibatkan penggunaan teknologi komputer yang memanfaatkan kejadian di permukaan bumi sama ada memahaminya ataupun untuk menjangka bagaimana fenomena itu akan merebak (Nasir Nayan, 2010). Hoch dan Hayes (2010) berpendapat bahawa perisian GIS bersesuaian untuk kajian geolinguistik. Perisian GIS mempunyai pelbagai teknik bagi menjana peta-peta mengikut tujuan dan kehendak kajian. Teknik yang diaplikasikan dalam perisian GIS bagi kajian ini melibatkan teknik *interpolation*, iaitu *Inverse Distance Weighted* (IDW). Menurut Nur Diyana Mohd Adzhar (2019), peta IDW dijana bagi menunjukkan pengaruh dialek yang dominan bagi sesuatu kawasan dengan jelas berdasarkan warna-warna yang mewakili setiap pengaruh tersebut. Teknik *interpolation* digunakan bagi menjana peta isoglos menerusi leksikal dialek (Siti Noraini, 2017). Oleh itu, perisian GIS dilihat sebagai alat yang sesuai untuk pemetaan dialek secara digital khususnya dalam kajian ini yang menggunakan data dialek.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis data dibahagikan kepada dua, iaitu analisis linguistik yang melibatkan pembuktian fonologi, semantik dan geolinguistik manakala analisis bukan linguistik merangkumi aspek sejarah, perkahwinan dan migrasi penduduk. Kajian menemukan sebanyak 15 varian bagi mewakili perbuatan ‘baling’ termasuklah [taoʔ], [lempaʔ], [tudʒu], [lɔntaʔ], [pungaj], [taʰɔʔ], [balin], [təŋalɔŋ], [lempa], [hawin], [punga], [taʷʔ], [məŋkalɔŋ], [mekɔŋ] dan [tʰum]. Bagi leksikal yang merujuk kepada ‘gigit’ pula terdapat 11 varian antaranya ialah [kəkəh], [təkɔʔ], [kike], [kəkəkəh], [kəkəʔ], [gəkət], [mamah], [tokəʔ], [kəkəkəh], [kat] dan [gigeʔ].

4.1 Pembuktian Semantik dan Fonologi

Beberapa ciri semantik dan fonologi dikenal pasti menerusi varian-varian yang ditemukan dalam kajian ini. Varian [pungaj] merupakan varian asli dalam dialek Kedah yang membawa maksud melontari dengan kayu untuk menjatuhkan buah dan lain-lain menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Ismail Dahaman et al. (2015) menyatakan [təŋalɔŋ] merupakan kata kerja yang bererti membaling dengan kayu atau batu. Dalam tulisan yang sama, Ismail Dahaman et al. (2015) turut memberikan makna varian [məŋkalɔŋ], iaitu membaling dan menggunakan kayu atau batu ke arah sasaran yang agak jauh atau tinggi. Seterusnya, varian [tudʒu] juga merupakan varian asli dialek Kedah yang bermaksud membaling atau melontar. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), [mekɔŋ] bererti perbuatan melempar atau melontar manakala [hawin] merupakan perbuatan membaling sesuatu dengan mengayunnya terlebih dahulu.

Selanjutnya, varian [taʊʔ] ialah varian asli dalam dialek Kedah yang membawa maksud buang, lempar dan campak seperti dinyatakan oleh Ismail Dahaman et al. (2015). Bagi varian [taʰʊʔ] dan [taʷʔ], kedua-duanya merupakan varian yang mempunyai ciri dialek Siam dan telah berasimilasi dengan dialek tempatan, iaitu [taʊʔ]. Hal ini kerana varian [taʰʊʔ] melepasi hukum fonologi dalam dialek Siam, iaitu kewujudan konsonan hembusan /h/. Perkara ini diakui oleh Ruslan Uthai (2011) bahawa perilaku fonologi konsonan /h/ berlaku apabila ada unsur peminjaman daripada bahasa Thai. Sementara varian [taʷʔ] pula menunjukkan ciri asli bahasa Thai, iaitu kehadiran vokal /a/ sebelum konsonan diakritik labialisasi /w/ seperti dinyatakan oleh Fippinger dan Fippinger (1970). Selain itu, dalam varian [taʷʔ] turut menunjukkan ciri deretan konsonan /w/ di tengah kata yang boleh bergabung dengan konsonan lain. Perkara ini disokong dengan pendapat Pittayaporn (2009).

Bukan itu sahaja, varian [lempa] turut ditemukan. Varian ini merupakan kata dalam bahasa Melayu standard /lempar/ yang bermaksud membaling sesuatu atau melontar sesuatu jauh-jauh (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Varian yang seterusnya ialah varian [lempaŋ]. Varian ini berasal daripada perkataan /lempar/. Varian ini memperlihatkan ciri dialek Kedah apabila konsonan getaran /r/ di akhir kata digantikan kepada konsonan frikatif faring /ʕ/. Perkara ini disokong oleh Zaharani Ahmad (2006), Asmah Haji Omar (2015), Ismail Dahaman et al. (2015) dan Darwalis Sazan et al. (2019). Hal yang sama turut berlaku dalam varian [lontaŋ]. Varian ini merupakan kata dalam bahasa Melayu standard, iaitu /lontar/. Apabila dituturkan oleh penutur dialek Kedah, maka ciri penggantian tadi turut berlaku dalam varian ini. Varian yang seterusnya ialah varian [balin]. Varian ini merupakan kata dalam bahasa Melayu standard, iaitu /baling/ yang mengalami keselarasan konsonan nasal /ng/ kepada /n/ apabila vokal depan sempit /i/ mendahuluinya di akhir kata. Perkara ini turut diperkatakan oleh Asmah Haji Omar (2015) dalam perbincangan berkisarkan dialek Kedah. Varian yang terakhir ialah varian [tʰum]. Varian ini merujuk kepada perbuatan membaling atau melontar dalam kamus bahasa Thai. Varian ini merupakan kata asli dalam bahasa Thai, iaitu /ถ่ม/.

Perbincangan diteruskan dengan varian yang mewakili kata ‘gigit’. Varian [mamah] menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) merujuk kepada perbuatan menghancurkan makanan dalam mulut dengan gigi atau mengunyah. Varian ini merupakan kata asli dalam bahasa Melayu standard. Seterusnya, varian [gæŋet] merupakan leksikal asli dalam dialek Kedah seperti yang disahkan oleh Ismail Dahaman et al. (2015) yang bererti menggigit atau menghabiskan sesuatu sedikit demi sedikit dengan gigi. Varian yang berikutnya ialah varian [kəkaʔ]. Varian ini membawa maksud menggigit dan merupakan perkataan dalam dialek Pulau Pinang menurut Abdul Jalil et al. (2015). Begitu juga dengan varian [tokaʔ]. Varian ini juga merupakan leksikal dalam dialek Pulau Pinang yang bererti gigit. Perkara ini bukan perkara baru kerana kedua-dua dialek ini dikelompokkan dalam dialek Utara Malaysia.

Selain itu, varian [təkaʔ] mengalami perubahan fonologi bertitik tolak daripada varian [tokaʔ]. Perubahan fonologi yang dimaksudkan ialah proses pembundaran vokal, iaitu vokal /a/ menjadi /ə/. Perkara ini sejajar dengan pendapat Kamaruddin Esayah (1999) dan Ruslan Uthai (2011) yang menegaskan dalam dialek Melayu Satun terdapat ciri vokal belakang separuh luas /ə/ pada suku kata akhir. Ciri ini turut dipersetujui oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2019). Varian yang seterusnya ialah varian [kat] yang memperlihatkan ciri bahasa Thai, iaitu ekasuku kata. Selain itu, varian [kat] atau /กัฏ/ juga ditemukan dalam Kamus Melayu-Thai & Melayu-Thai (n.d). Ini membuktikan bahawa varian ini merupakan kata asal dalam bahasa Thai yang bermaksud gigit. Selanjutnya, varian [gigeʔ] menunjukkan pengaruh Siam dalam dialek Kedah. Hal ini kerana berlakunya penggantian konsonan plosif alveolar /t/ kepada konsonan hentian glotis /ʔ/ pada akhir kata. Perkara yang sama diperkatakan oleh Nur Faslin Sulaiman (2015) dan Muhammad Anas Ismail (2016).

Varian yang seterusnya ialah varian [kəkkəh]. Varian ini berasal daripada kata /kekeh/ yang bererti menggigit dengan membuka mulut lebar-lebar dan mengatupnya dalam dialek Kelantan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Kehadiran konsonan /k/ menyerlahkan ciri-ciri dialek Kedah. Hal ini disokong oleh pernyataan Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) yang menyatakan dalam dialek Utara termasuklah dialek Perlis, Pulau Pinang, sebahagian Perak dan Kedah memiliki fonem /k/ di awal dan antara vokal. Ini juga menjelaskan tentang varian [kəkəh] dan [kəkkəh]. Kedua-dua varian ini juga berkongsi ciri kehadiran konsonan /k/ di awal kata. Maka, boleh disimpulkan bahawa varian ini merupakan ciri dialek Kedah. Walaupun Kedah dan Kelantan tidak bersempadan, namun kemungkinan untuk kedua-dua dialek ini berkait antara satu sama lain tidak dapat

dinafikan. Hal ini pernah dibincangkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) bahawa ciri dialek Melayu Kedah khususnya Baling mempunyai kedekatan dengan dialek di Semenanjung Timur, iaitu dialek Kelantan, Terengganu dan Pahang. Perkara yang sama terjadi apabila kajian ini menemukan varian yang terakhir iaitu, varian [kike]. Varian ini merupakan leksikal asli dalam dialek Pahang yang membawa makna menggigit sesuatu sedikit demi sedikit. Tambahan pula, varian ini banyak ditemukan di daerah yang menjadi kawasan peralihan bagi dialek Patani seperti daerah Baling, Padang Terap dan Sik. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut berbantuan peta penyebaran varian yang dijana menggunakan perisian GIS.

4.2 Pemetaan Penyebaran Varian bagi ‘baling’ dan ‘gigit’


Jadual 2 memperlihatkan pembahagian varian sebutan dan leksikal yang mewakili perkataan ‘baling’. Terdapat 15 varian yang mewakili perkataan ‘baling’ ditemukan di 11 daerah dalam Kedah. Daerah Kubang Pasu menunjukkan jumlah varian ‘baling’ yang paling banyak ditemukan dengan 11 varian. Bagi varian [lempaŋ],[pungaj] dan [balin] pula merupakan varian yang digunakan di semua daerah dalam Kedah.

Jadual 2

Jumlah penggunaan varian mewakili ‘baling’ mengikut daerah

DAERAH	BIL VARIASI	VARIASI BUNYI & LEKSIKAL ‘BALING’														
		taoʔ	lempaŋ	tudʒu	lontaŋ	pungaj	taʔoʔ	balin	taŋalon	lempa	hawin	puga	taʔʔ	məŋkalon	məkəŋ	tʰum
Kubang Pasu	11	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Padang Terap	7	/	/			/		/			/	/			/	
Sik	5	/	/			/		/				/				
Baling	7	/	/	/		/		/				/	/			
Kulim	5	/	/		/	/		/								
Bandar Baharu	5	/	/			/		/			/					
Kuala Muda	7	/	/	/		/		/	/				/			
Yan	4		/	/		/		/								
Pendang	6	/	/			/		/					/		/	
Pokok Sena	7	/	/			/	/	/	/		/					
Kota Setar	9	/	/	/		/		/	/	/	/			/		
JUMLAH		10	11	5	2	11	2	11	4	1	5	3	3	2	2	1

Rajah 1 memaparkan peta penyebaran bagi leksikal ‘baling’ di Kedah. Perisian GIS berupaya menghasilkan peta penyebaran bagi data dialek Kedah untuk leksikal ‘baling’ dan ‘gigit’. Berdasarkan paparan peta pada Rajah 1, varian [pungaj] dan [balin] mendominasi bagi keseluruhan daerah dalam negeri Kedah. Kedua-dua varian ini menunjukkan ciri asli dialek Kedah. Perkara ini sejajar dengan pendapat Asmah Haji Omar (2015) yang mengatakan bahawa daerah-daerah di Lembah Kedah menggunakan dialek Kedah Persisiran. Perkara ini dapat diteliti menerusi Rajah 1 yang memaparkan kawasan tanah tinggi di Lembah Kedah berkeluasan lebih terhad berbanding dengan kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Thailand. Oleh yang demikian, hal ini menyumbang kepada penyebaran dan taburan varian-varian asli dialek Kedah yang lain. Antaranya ialah [lempaŋ], [taoʔ], [taŋalon], [tudʒu], [hawin], [məkəŋ], [məŋkalon] dan [lontaŋ].

Rajah 1*Peta penyebaran varian leksikal 'baling' di Kedah*

Varian [punga] tersebar secara meluas di daerah bersempadan dengan Thailand, iaitu di daerah Padang Terap, Sik dan Baling. Namun, tidak pada daerah Kubang Pasu. Hal ini kerana varian [punga] merupakan kata dalam dialek Melayu Patani manakala daerah Kubang Pasu pula menerima pengaruh daripada dialek Melayu Satun. Daerah Kubang Pasu bersempadan dengan Perlis yang lebih dekat dengan wilayah Satun. Maka, Kubang Pasu turut menerima pengaruh dari Satun dalam penggunaan dialeknya. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran varian [taʔʔ] dan [tʰum]. Bukan itu sahaja, Kubang Pasu merupakan daerah yang mencatatkan varian yang tertinggi, iaitu sebanyak 11 varian bagi merujuk kepada 'baling'. Kebanyakannya merupakan kata asli dalam dialek Kedah termasuklah [pungaʃ], [lempaʃ], [balin] dan [tɛŋalɔŋ]. Varian [punga] ditemukan di sebahagian besar daerah Sik, daerah Padang Terap dan Baling. Tiga daerah ini jika dilihat dalam peta paparan Rajah 1 menunjukkan kawasan yang bersempadan dengan wilayah Songkhla dan Yala. Perkara ini turut diperkatakan oleh Asmah Haji Omar (2015), iaitu tiga daerah ini merupakan kawasan peralihan dialek Patani.

Bukan itu sahaja, varian [punga] turut tersebar ke daerah Sik. Daerah Sik merupakan kawasan bertanah tinggi meliputi enam buah gunung dan 65 buah bukit. Kebanyakan kawasan tanah tinggi di daerah ini mencapai ketinggian 1000 kaki dari paras laut. Sik juga memperlihatkan ciri topografi yang kompleks kerana kedudukan kawasan-kawasan tanah tinggi ini berdekatan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, kawasan bertanah tinggi yang berdekatan antara satu sama lain membataskan penyebaran varian [punga] terutamanya di bahagian tengah Kedah dan barat Kedah. Sebagai contoh, Bukit Gajah Puteh, Bukit Cham, Bukit Reman dan Bukit Gading menghalang varian [punga] daripada tersebar ke daerah Kuala Muda dan Pendang. Begitu juga dengan daerah Baling. Baling merupakan

daerah yang menempatkan gunung paling tinggi di Kedah dan di utara Semenanjung Malaysia. Gunung yang dimaksudkan ialah Gunung Bintang yang berketinggian 6109 dari paras laut. Gunung ini turut menjadi garis sempadan antara Kedah dan Perak. Di samping Gunung Bintang, Gunung Inas, Bukit Bokbah, Bukit Hangus dan Gunung Bintang Utara menyekat sebaran varian [punga] ke daerah Kulim dan Bandar Baharu.

Seterusnya, varian [ta^hʔ] ditemukan di daerah Kubang Pasu dan Pokok Sena. Kubang Pasu merupakan salah satu daerah yang bersempadan dengan Thailand manakala Pokok Sena pula bersempadan dengan Kubang Pasu. Oleh itu, penyebaran varian ini bersifat semula jadi. Bentuk muka bumi di sekitar dua daerah bersempadan ini tidak menampakkan kawasan tanah tinggi yang saling berhampiran antara satu sama lain. Selain itu, ketinggian bukit-bukau yang berada di sekitar daerah sempadan tersebut tidak melebihi 500 kaki dari paras laut seperti Bukit Tinggi di Kubang Pasu dan Bukit Pinang di Pokok Sena masing-masing dengan 469 kaki dari paras laut dan 446 kaki dari paras laut. Berbeza pula dengan varian [ta^wʔ]. Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat bahawa varian ini ditemukan di daerah Baling, Kuala Muda dan Pendang. Seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2015), Baling ialah kawasan peralihan dialek Patani. Jadi, penemuan varian ini di daerah tersebut membuktikan bahawa Baling masih lagi berstatus kawasan sebaran dialek Patani. Walaupun Baling bersempadan dengan Kuala Muda, namun dua daerah ini dipisahkan oleh Bukit Pak Kuning di Baling yang berketinggian 1771 kaki dari paras laut.


Penemuan varian [ta^wʔ] di Pendang berlaku kerana Pendang bersempadan dengan Padang Terap. Asmah Haji Omar (2015) turut menyatakan bahawa Padang Terap juga merupakan kawasan peralihan dialek Patani. Oleh itu, penyebaran varian [ta^wʔ] berlaku secara alami. Tambahan pula, kawasan perbukitan di sekitar sempadan dua daerah ini tidak melebihi 600 kaki dari paras laut antaranya ialah Bukit Lamdin, Bukit Lebah, Bukit Tok Nyong dan Bukit Kandang masing-masing dengan ketinggian 302, 587, 486 dan 197 kaki dari paras laut. Sama juga halnya dengan kawasan tanah tinggi yang melingkari sempadan antara daerah Pendang dan Kuala Muda. Rata-rata kawasan tersebut mempunyai ketinggian bawah 300 kaki dari paras laut. Sebagai contoh, Bukit Nibong (233 kaki) dan Bukit Jenun (115 kaki) di Pendang serta Bukit Kuang (253 kaki) dan Bukit Kosa (138 kaki) di Kuala Muda memudahkan penyebaran varian [ta^wʔ] berlaku di kedua-dua daerah tersebut.

Selanjutnya, Jadual 3 memaparkan jumlah penggunaan varian yang ditemui di setiap daerah. Terdapat tiga varian bunyi dan sebutan ‘gigit’ yang ditemui di semua daerah dalam Kedah, iaitu varian [tɔkʔ], [tokaʔ] dan [gigeʔ]. Di daerah Kubang Pasu, Pokok Sena dan Kota Setar masing-masing menemukan sebanyak enam varian bagi mewakili leksikal ‘gigit’. Enam varian tersebut merupakan jumlah yang paling banyak ditemukan di sesuatu daerah.

Jadual 3*Jumlah penggunaan varian mewakili 'gigit' mengikut daerah*

DAERAH	BIL VARIASI	VARIASI BUNYI & LEKSIKAL 'GIGIT'										
		ɤəkəh	təkəʔ	kike	kəʔkə	kəkəʔ	gəʔet	mamah	təkəʔ	ɤəkəh	kat	gigeʔ
Kubang Pasu	6	/	/				/		/		/	/
Padang Terap	5		/	/			/		/			/
Sik	4		/	/					/			/
Baling	4		/	/					/			/
Kulim	5		/	/			/		/			/
Bandar Baharu	3		/						/			/
Kuala Muda	5		/		/		/		/			/
Yan	3		/						/			/
Pendang	5		/						/	/	/	/
Pokok Sena	6		/	/		/	/		/			/
Kota Setar	6		/				/	/	/	/		/
JUMLAH		1	11	5	1	1	6	1	11	2	2	11

Rajah 2 pula menunjukkan peta penyebaran bagi varian leksikal 'gigit' di Kedah, antaranya ialah varian [təkəʔ], [təkəʔ], [gigeʔ], [gəʔet], [kəkəʔ], [kike], [mamah], [kat], [kəʔkəh], [ɤəkəh] dan [ɤəkəh]. Varian leksikal yang merujuk kepada 'gigit' ini memaparkan dapatan yang sedikit berbeza daripada varian leksikal 'baling'. Kesemua varian sama ada bercirikan dialek Siam ataupun dialek Kedah asli tersebar secara sama rata melibatkan daerah-daerah dalam Lembah Kedah ataupun daerah-daerah yang bersempadan dengan Thailand. Berdasarkan Rajah 2, varian [təkəʔ] mendominasi keseluruhan negeri Kedah. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk Kedah menggunakan dialek Kedah sebagai bahasa interaksi dan komunikasi harian. Seterusnya, varian [kəkəʔ] ditemukan di daerah Pokok Sena. Meskipun kedua-dua varian ini merupakan varian asli dialek Pulau Pinang, namun kajian tidak mengasingkan dialek Kedah dengan dialek Pulau Pinang. Kajian ini memegang pendapat bahawa dialek Kedah dan dialek Pulau Pinang tergolong dalam kelompok dialek yang sama selari dengan pernyataan Asmah Haji Omar (2015).

Rajah 2*Peta penyebaran varian leksikal 'gigit' di Kedah*

Selain itu, varian [tɔkɔʔ] dan [gigeʔ] mempunyai taburan yang sama banyak melibatkan kesemua daerah di Kedah walaupun varian-varian ini mempunyai pengaruh dialek Siam. Begitu juga halnya dengan varian [gæʔet]. Varian ini ditemukan di sebahagian kawasan Lembah Kedah, iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Pokok Sena dan Kulim. Biarpun varian ini merupakan varian asli dialek Kedah, namun varian ini juga digunakan di daerah bersempadan Thailand, iaitu Kubang Pasu dan Padang Terap. Seterusnya, varian [kat] ditemukan menerusi kajian lapangan ini. Varian [kat] merupakan satu-satunya leksikal asli daripada bahasa Thai. Varian ini atau dalam bahasa Thai, ‘กัด’ ditemukan di daerah Kubang Pasu sahaja. Dapatan ini selari dengan varian [tʰum] yang merujuk kepada ‘baling’ seperti yang telah dibincangkan. Varian-varian dalam bahasa Thai ini juga menunjukkan keseragaman apabila menyerlahkan ciri ekasuku kata.

Di samping itu, terdapat juga varian [kike]. Varian ini paling banyak ditemukan di daerah Baling, Sik dan Padang Terap. Ketiga-tiga daerah ini merupakan kawasan peralihan bagi dialek Patani (Asmah Haji Omar, 2015). Kajian ini berpandangan bahawa dialek Melayu Siam khususnya dialek Patani mempunyai hubungan dengan dialek di belah timur Semenanjung. Oleh yang demikian, dialek Patani di Kedah juga mempunyai perkaitan dengan dialek Kelantan, Terengganu atau Pahang. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021). Selanjutnya, varian [kæʔkɔh], [ʔæʔkɔh] dan [ʔæʔkɔh] berjaya ditemui di daerah Kuala Muda, Kota Setar dan Pendang. Hal ini disebabkan oleh ciri topografi yang terdapat pada daerah-daerah ini. Keadaan bentuk muka bumi daerah Kota Setar yang bertanah datar telah memudahkan varian-varian ini tersebar tanpa halangan khususnya ke daerah Pendang. Di bahagian selatan daerah Pendang dan bahagian utara daerah Kuala Muda, kawasan bukit-bukau yang meliputi dua daerah ini berketinggi tidak melebihi 400 kaki dari paras laut. Perkara ini membantu penyebaran bagi varian [kæʔkɔh], [ʔæʔkɔh] dan [ʔæʔkɔh] ini.

4.3 Faktor Bukan Linguistik

Selain faktor bentuk muka bumi dan persempadanan, faktor bukan linguistik juga memainkan peranan penting dalam menjawab persoalan kajian penyebaran dialek ini. Faktor pertama yang dibincangkan ialah faktor sejarah. Hasil kajian yang menunjukkan bahawa daerah Kubang Pasu mencatatkan kehadiran varian asli dialek Kedah dan varian bercirikan dialek Siam dapat dihuraikan melalui perkembangan sejarah daerah tersebut. Menurut Hazman Hassan dan Mohd Kasturi Nor Abd. Aziz (2020), kerajaan Kedah pernah menabalkan Tengku Anom sebagai Raja Kubang Pasu. Hal ini menunjukkan bahawa Kubang Pasu merupakan sebuah negeri yang bebas dan terpisah daripada kerajaan Kedah. Asmah Haji Omar (2019) menyatakan bahawa Setol, Perlis dan Kubang Pasu perlu menghantar bunga emas dan perak secara berasingan daripada kerajaan Kedah. Oleh itu, dapat dipastikan bahawa Kubang Pasu pernah menjadi sebuah negeri yang bebas menjalankan pentadbiran sendiri. Fakta sejarah ini memperkukuhkan dapatan kajian, iaitu daerah Kubang Pasu menemukan varian yang tertinggi bagi mewakili leksikal 'baling' dan 'gigit' selain menunjukkan pengaruh dialek lain (Siam) di kawasan tersebut. Kewujudan varian bercirikan dialek Siam diperoleh menerusi faktor sempadan dengan Satun manakala kehadiran varian asli Kedah pula datang daripada faktor Kubang Pasu pernah menjadi negeri yang bebas sebelum disatukan semula dengan Kedah pada tahun 1864.

Faktor yang seterusnya ialah faktor perkahwinan politik. Tidak dinafikan bahawa perkahwinan politik mampu menstabilkan hubungan pihak-pihak yang bermusuhan. Perkahwinan politik juga menjadi satu kebiasaan pada zaman dahulu. Perkahwinan politik juga dapat mengeratkan hubungan antara dua buah kerajaan. Sebagai contoh, hubungan Kerajaan Kedah dan Kerajaan Siam semakin baik selepas berlangsungnya perkahwinan politik antara Sultan Ahmad Tajuddin bersama Wan Jah binti Luang Nik Abidin pada tahun 1855. Sultan Ahmad Tajuddin pada ketika itu merupakan sultan bagi Kerajaan Kedah. Sementara Wan Jah binti Luang Nik pula merupakan anak angkat kepada Perdana Menteri Thai ketika itu. Perdana Menteri Thai ini juga dikenali sebagai Sri Suriyawong atau Samdet Chao Phraya. Selain itu, Sultan Abdul Hamid turut dikahwinkan dengan Che Manjalara yang merupakan anak kepada pegawai daerah Nonthaburi pada tahun 1887 (Mahani Musa, 2004). Bukan itu sahaja, ada juga perkahwinan politik yang tidak melibatkan dua buah kerajaan tetapi masih mampu mengurangkan ketegangan antara dua buah pihak. Perkahwinan yang dimaksudkan ialah perkahwinan antara Tunku Aishah dengan Tuan Syed Hussin dilangsungkan di Siam. Tunku Aishah merupakan anak kepada Tunku Long Puteh dan Tunku Jam Jam manakala Tuan Syed Hussin pula seorang panglima perang di Perlis. Walaupun perkahwinan ini berlaku di Siam, namun masih dijalankan mengikut adat istiadat diraja Kedah. Ekoran daripada perkahwinan kerabat diraja Kedah ini di Siam, akhirnya Raja Ligor menyerahkan kembali Kedah kepada Tengku Anom (Hussain Baba Mohamad, 1969). Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa perkahwinan politik sama ada melibatkan kerabat diraja atau masyarakat umum lazimnya membawa kepada asimilasi bahasa.

Faktor yang terakhir ialah faktor penghijrahan penduduk. Penghijrahan berlaku bukanlah semata-mata disebabkan oleh peperangan. Ada juga penghijrahan yang berlaku secara semula jadi. Hal ini dapat dilihat menerusi legenda Mahsuri yang sinonim dengan negeri Kedah. Menurut Ibrahim Ismail (2008), ibu dan bapa Mahsuri berasal dari Siam. Mereka kemudiannya berpindah ke Langkawi khususnya di Kampung Bukit Temin, Hulu Melaka. Bukan itu sahaja, penghijrahan penduduk juga berlaku terutamanya ketika peperangan berlaku. Mengikut catatan sejarah, kerajaan Siam dan Kedah sering berperang. Antara perang yang terkenal melibatkan kedua-dua kerajaan ialah Perang Kedah-Siam yang berlaku pada tahun 1821 sehingga tahun 1842. Menurut Shukri Janudin dan Zaimilah Yusof (2020), ramai orang Melayu menjadi pelarian di Pulau Pinang, Seberang Perai hingga ke Perak, Kedah dan Sumatera sepanjang tempoh peperangan berlangsung. Hal ini bagi memastikan keselamatan mereka terjamin daripada askar-askar musuh. Selain daripada kawasan yang bersempadan, daerah-daerah seperti Pendang juga menjadi antara kawasan penempatan awal bagi masyarakat Siam khususnya di kawasan pedalaman (Khurul Nisq Abdul Majid & Ngui, 2018). Perkara ini menunjukkan bahawa bahasa itu sendiri boleh tersebar secara alami kerana penghijrahan penduduk.

5. Kesimpulan

Penyebaran dialek Melayu di Kedah berkait rapat dengan faktor geolinguistik dan bukan linguistik. Hubungan ini disokong oleh bukti linguistik yang diperoleh melalui pengumpulan data lapangan.

Penggunaan teknologi dalam kajian dialek khususnya menerusi aplikasi perisian GIS turut memperkukuh analisis kerana keupayaannya menjawab persoalan berkaitan dengan fenomena kebahasaan dan variasi dialek. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyebaran dan taburan dialek Melayu Kedah dipengaruhi oleh bentuk muka bumi, persempadanan, faktor sejarah, perkahwinan dan migrasi penduduk.

Penghargaan

Data kajian ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang berkod UKM-SK-05-FRGS006-2008 dengan penyelidikan bertajuk *Pemetaan Dialek Bahasa Melayu Utara: Satu Kajian Ke Atas Model Struktur Ayat Tanya*.

Rujukan

- Abdul Jalil Anuar, Mohaini Mohd. Saffar, Anuar Ahmad, Ahamad Salleh, Ahmad Zaki Md. Taha, Ariffin Abdul Rahman & Mohd. Rosli Ismail. (2015). *Glosari Dialek Pulau Pinang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainur Syakirah Muhd Hissam, Junaini Kasdan & Harishon Radzi. (2024). Variasi leksikal 'ular' dalam dialek Melayu Kedah: pemetaan beraplikasikan GIS. *International Journal of Malay World and Civilization*. 12(3), 50-68. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1203-05>
- Asmah Haji Omar Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu* (Cetakan kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu di daratan Asia Tenggara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md Yusoff & Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek Melayu Kedah Kunluang dalam wayang kulit Seri Asun. *Jurnal Bahasa*. 19(2), 169-198.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: kajian Geolinguistik. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*. 15(4), 16-29. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-02>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Lam, K. C., Al-Amril Othman & Amir Imran Jamil. (2021). Warisan tak ketara Kedah: kajian GIS dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences*. 18(1), 5-14.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhammad. (2017). Kata soal dalam dialek Perlis. *Akademika*, 87(1), 177-187.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. (2019). Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *Akademika*. 89(2), 139-154.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad. (2020). Kata kerja bantu dalam dialek Melayu Kedah: analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 20(1), 79-108.
- Fippinger, J. & Fippinger, D. (1970). Black Tai phonemes with reference to White Tai. *Anthropological Linguistics*. 12(3), 83-97.
- Halliday, M.A.K. (1968). The users and uses of language. Dalam Fishman, J.A. (Eds.). *The Society of Language*. The Hague.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Ariffin. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*. 17(1), 74-93.
- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian kaedah lapangan: penerapan terhadap kajian geo dialek. *Jurnal Linguistik*. 19(1), 58-77.
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2020). *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Baba Mohamad. (1969). Sejarah negeri dan raja-raja Perlis. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 42(2), 173-196.
- Hoch, S., & Hayes, J.J. (2010). Geolinguistics: the incorporation of Geographic Information System and Science. *The Geographical Bulletin*. 51, 23-26.
- Ibrahim Ismail. (2008). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ismail Dahaman, Abdul Jalil Anuar, Nor Hazizan Talib, Ab. Halim Salleh, Ismail Saleh, Saidun Shaari, Saad Taib & Mohaini Mohd. Saffar. (2015). *Glosari Dialek Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Esayah. (1999). Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis [Tesis sarjana tidak terbit]. Universiti Sains Malaysia.

- Kamus Dewan. (2005). Edisi ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khuarul Nisaa Abdul Majid & Ngui, C.Y.K. (2018). Perubahan sosial masyarakat Siam di Pendang, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(1), 1-15.
- Mahani Musa. (2004). Malay women's involvement in land ownership, the accumulation of wealth, and indebtedness in Kedah (1881-1940). *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 77(1), 1-22.
- Mashetoh Abd. Mutalib, Hishamudin Isam, Yusniza Yaakub & Marzalina Mansor. (2021). *Mengkonsepsikan kosa kata kata adjektif sifat dalam dialek Kedah*. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS). Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia. <http://irep.iium.edu.my/91979/1/Prosiding%20RENTAS%202021%20%28BIL.2%29%20DR%20SUDIRMAN.pdf#page=9>
- Meillet, A. (1967). *Comparative Method in Historical Linguistics*. Adler's Foreign Books.
- Mohammad A. Kadir. (n.d). *Kamus Melayu-Thai & Thai-Melayu*.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah. (2025). Sejarah fonologi dialek Melayu Hulu Kedah. *Jurnal Bahasa*. 25(1), 1-40. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no1)
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*. 21(1), 193-216.
- Muhammad Anas Ismail. (2016). Aspek fonologi subdialek Patani di Kedah [Tesis sarjana tidak terbit]. Universiti Putra Malaysia.
- Nasir Nayan. (2010). *Manual ArcGIS™: Amali ArcMap™ dan ArcCatalog™*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2014). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: satu penerapan Teori Fonologi Generatif Model Non-linear. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(2), 195-205.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. (2019a). Penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia: analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*. 4(2), 362-389. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp362-389>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4), 159-178. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-11>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019b). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: satu kajian perbandingan berasaskan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 19(1), 77-96. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-05>
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis deiksis dialek Kedah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 15(1), 163-187.
- Nur Diyana Mohd Adzhar. (2019). *Subdialek Johor: Revisi berasaskan Sistem Maklumat Geografi (GIS)* [Tesis sarjana tidak terbit]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). Sistem fonologi subdialek Baling [Tesis sarjana tidak terbit]. Universiti Malaya.
- Pittayaporn, P. (2009). *The phonology of Proto-Tai* [Tesis PhD tidak terbit]. Cornell University.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shukri Janudin & Zaimilah Yusof. (2020). Laksamana Wan Ismail bin Wan Muhammad Long: pahlawan Kedah di Kerian dalam Perang Musuh Bisik. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(3), 47-61.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Variasi dialek Melayu di Perak Utara: analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*. 18(2), 30-46.
- Siti Noraini Hamzah. (2017). Penyebaran leksikal dialek Melayu di Perak: analisis Geolinguistik. Tesis Ph.D tidak terbit. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Siti Nur Izzaty Sallit, Harishon Radzi & Siti Noraini Hamzah. (2024). Pengekalan dan peralihan dialek di Baling, Kedah: kajian GIS. *International Journal of Malay World and Civilization*. 12(3), 50-68. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1203-05>
- Siti Nur Izzaty Salit, Harishon Radzi & Siti Noraini Hamzah. (2025). Kewujudan pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah: satu analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 25(2), 452-469. <http://doi.org/10.17576/gema-2025-2502-08>
- Yusniza Yaakub & Hishamudin Isam. (2024). *Kerencaman kata penguat dialek Kedah: kajian perbandingan jantina*. Proceedings of the International Conference on Languages and Communication (ICLC), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Malaysia. <http://irep.iium.edu.my/117138/1/PROCEEDINGS%20ICLC%20%28RESIZE%29.pdf#page=502>

Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi*. 1(1), 1-26.

Biodata Penulis

Siti Nur Izzaty Salit merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan geolinguistik.

Siti Noraini Hamzah merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan geolinguistik.